

Terus perkukuh perpaduan: Juhar

KOTA KINABALU: Hari Raya Aidilfitri menyediakan ruang kepada rakyat untuk mengeratkan silaturahim serta mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini.

Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin (**gambar**), ketika menyampaikannya Perutusan Aidilfitri, berkata rakyat Sabah khususnya, perlu berusaha mencipta lebih banyak ruang perpaduan serta menamatkan ruang perpecahan seperti sikap ketaksuban yang melampau, baik dari sudut agama mahupun suku kaum.

"Pembangunan sesebuah negara tidak akan bermakna, andai sikap persefahaman, keharmonian, bertolak ansur dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum diketepikan.


"Sikap cakna terhadap perpaduan perlu terus dipupuk dan dipelihara agar semua perancangan untuk pembangunan dan pelaksanaan dasar terhadap keseimbangan sosial dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Alangkah ruginya bila mana puluhan dekad yang telah kita lalui hidup bersama dalam keadaan aman, namun dalam sekelip mata ianya punah dan musnah disebabkan oleh perilaku dan kata-kata berbau provokasi yang boleh mencestuskan ketegangan rakyat," katanya.

Dalam ketidaktentuan ekonomi dunia pada masa ini, Tun Juhar menasihati rakyat agar menyedari tujuan utama sambutan hari raya dan bersederhana dalam menyambut Aidilfitri.

"Selain mensyukuri nikmat keamanan dan permuafakatan hidup bermasyarakat, kita juga perlu beringat dan sentiasa bersiap sedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku terhadap negeri mahupun negara kita.

"Kenyataan ini mungkin agak klise bagi mereka yang berkemampuan dan kurang terkesan dengannya.



"Andai dapat kita imbas kembali matlamat melaksanakan ibadah berpuasa di bulan Ramadan, maka sudah tentu kita juga dapat mengimplimentasikan segala tuntutan agama agar memilih sikap bersederhana dalam apa jua keadaan.

"Elakkan pembaziran, berbelanjalah mengikut kemampuan kewangan kita, jangan cuba untuk meniru cara hidup orang lain, sebaliknya ukurlah baju di badan sendiri," katanya.

Tun Juhar turut mengajak umat Islam agar membudayakan sedekah dengan menyantuni golongan fakir dan miskin.

"Melalui amalan bersedekah dengan menyantuni golongan fakir dan miskin seperti menyampaikan sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan mahupun barang keperluan harian.

"Amalan sedemikian dapat membentuk jiwa murni masyarakat dengan semangat kemurahan hati, empati dan rasa tanggungjawab atau prihatin terhadap golongan yang memerlukan."

Tambah Tun Juhar, dalam keriangannya menyambut Aidilfitri, semua pihak digesa agar terus menghargai pengorbanan pasukan keselamatan.

"Kita perlulah menghargai dan tidak melupakan pengorbanan yang dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya membolehkan Aidilfitri disambut dalam suasana aman, tenteram, riang dan meriah, meski dalam keadaan sederhana.

"Ketika majoriti warga bercuti meraikan hari raya, terdapat kalangan rakyat yang sentiasa komited melaksanakan pelbagai tugas penting dan perlu mengendalikan perkhidmatan 24 jam sehari.

"Semoga pengorbanan mereka ini diterima Allah SWT sebagai amal soleh yang sangat bernilai di sisi-Nya," ujarnya.

Mengakhiri perutusannya, Tun Juhar dan isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni serta seisi keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1445H, maaf zahir dan batin.